

Orang Asli berkelulusan layak ke jawatan tinggi

DENGGIL: Masyarakat Orang Asli yang mempunyai kelulusan dan berkelayakan sentiasa diberi keutamaan untuk memegang jawatan di pelbagai agensi dan jabatan kerajaan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Ismail Alias berkata, masyarakat Orang Asli kini semakin hebat kerana semakin ramai di kalangan mereka terutama generasi muda kini berkhidmat sebagai penjawat awam.

Malah, katanya, ketika ini seorang Orang Asli sudah memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Jakoa, iaitu Nisra Nisran Asra Ramlan.

"Kami memang memberi keutamaan kepada masyarakat orang Asli kerana mereka memang diakui hebat ketika ini terutama yang mempunyai kelulusan dan kelayakan seperti ditetapkan untuk mengisi kekosongan jawatan di pelbagai agensi kerajaan.

"Kita tidak pernah ada ha-



MESRA...Dr Ismail (dua dari kanan) bersama kanak-kanak Orang Asli pada Program Mesra Minda.

langan, malah sentiasa berusaha untuk memastikan lebih ramai anak Orang Asli yang dapat memegang jawatan tertinggi di sektor awam, malah, sekiranya esok (masa depan) Timbalan Ketua Pengarah (Nisra Nisran) layak menjadi Ketua Pengarah di mana-mana jabatan, kami akan menaikkan pangkatnya," katanya selepas merasmikan Program Mesra Minda bersama JPA dan Semarakkan Perkhidmatan Awam bersama masyarakat Orang

Asli Sepang di Kampung Orang Asli, Kolam Air Bangkok di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), Datuk Mohd Sani Mistam.

Nisra Nisran, 37, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), anak Orang Asli pertama memegang jawatan tertinggi di sektor awam selepas dilantik menjadi Timbalan Ketua Pengarah Jakoa, pada 2009.